

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 Mei 2016

SOALAN

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM (mengikut kategori umur) dan berapa peratus dari OKU yang telah berkeluarga memiliki rumah sendiri, dan apakah insentif atau bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada golongan ini untuk mereka membeli dan memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Berdasarkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM mulai tahun 2011 sehingga April 2016 adalah seramai 380,203 orang. Pecahan jumlah ini mengikut kategori umur adalah seperti berikut: Bawah 18 tahun - 111,207 19 - 35 tahun - 96,216 36 - 59 tahun - 122,868 60 tahun ke atas - 49,912 Jumlah - 380,203 orang Pihak Kementerian tidak mempunyai data berkaitan status sama ada OKU yang telah berkeluarga dan berdaftar dengan JKM itu ada memilik rumah sendiri atau tidak. Namun begitu, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan (Syarikat Perumahan Negara) berusaha membantu rakyat termasuk OKU untuk memiliki rumah sendiri dengan memberi potongan harga 20% kepada pembelian rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang berharga RM200,000.00 dan ke bawah. Insentif ini diperuntukkan kepada lima (5) pembeli OKU bagi setiap projek. Selain itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menawarkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (skim MyHome), Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) dan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) bagi membantu rakyat berpendapatan sederhana termasuklah OKU untuk memiliki rumah.

